

27/05/1998

Suka duka masyarakat India dalam antologi sajak

KHAZANAH Sajak-sajak Tamil Malaysia, sebuah antologi sajak karya lebih 250 penyajak adalah sebuah buku penting rakaman perasaan suka duka masyarakat India di Tanah Melayu dan Malaysia.

Antologi yang memuatkan sajak 100 tahun bermula 1887-1987 itu juga sebuah dokumen sejarah yang amat penting kerana ini kali pertama usaha pendokumentarian seumpama itu dijalankan.

Selain sajak ia turut mencatatkan hal penting yang diperkenalkan kepada masyarakat India. Fakta sejarah dalam buku itu tidak pernah dipertikaikan.

Pensyarah Jabatan Pengajian India Universiti Malaya, Dr M. Rajantheran, berkata usaha yang dilakukan oleh Ketua Penyusunnya, Murasu Nedumaran adalah sesuatu yang patut dipuji kerana kerja seumpama itu tidak mampu dilakukan sebarang orang.

"Dengan adanya pembicaraan sesuatu perkara yang menjadi rakaman sejarah, buku ini menjadi sebuah dokumen yang amat penting," katanya ketika memperkatakan mengenai buku itu yang dijadualkan dilancarkan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu pada 31 Mei ini.

Katanya, usaha Murasu selama kira-kira 47 tahun mengumpul sajak terpilih sesuatu yang membanggakan dan buku itu tidak saja penting kepada masyarakat India tetapi kaum lain.

Ini kerana selain sajak diceritakan mengenai sesuatu perkara yang dikaitkan dalam puisinya. Sebagai contoh, ada puisi mengenai kad merah dan ada penerangan mengenai kad itu.

Sajak dalam antologi ini dapat dibahagikan kepada dua iaitu klasik dan moden. Penulis karya klasik itu termasuk Karai Kilar, Thiruvarasu, Ulaganathan dan Nedumaran.

Penulis karya moden termasuk Ilavagu, Sininaina Mohamed, P.M. Anwar, Anbananthan, Shanmugan dan Pathasan.

Pengarang majalah Sakti dan bekas pensyarah maktab, Nagapan Arumugan, berkata sajak dalam antologi ini merakamkan pelbagai detik suka duka masyarakat India.

Suka duka penghijrahan orang India ke Tanah Melayu, tinggal di ladang, penderitaan pada zaman pendudukan Jepun, kemerdekaan, penubuhan parti politik tidak terlepas daripada rakaman penulis India.

Penyata Razak, pendidikan, rancangan buku hijau dan perjuangan pemimpin negara tidak diabaikan oleh penulis India di Malaysia.

Murasu, bekas pesara guru tetapi kini sedang menyiapkan pengajian doktor falsafah berkata, minatnya kepada puisi mendorongnya menyimpan pelbagai puisi terbaik.

"Sekiranya mendapat sokongan kewangan, saya bercadang menterjemahkan karya ini ke dalam bahasa Melayu," katanya.

Sajak dalam antologi ini pernah disiarkan dalam akhbar, radio dan buku selain yang dihantar kepadanya. Antologi yang mengandungi 650 sajak setebal 1080 halaman dijual pada harga RM150 dan RM200 senaskhah.

Salah satu karya Murasu dalam antologi ini ialah mengenai Rukun Negara seperti katanya:

Percayalah Tuhan hanyalah satu,
sembahlah sebaik mungkin
hormatlah setinggi akan raja yang memerintah negara ini
jagalah tanah air kita berdasarkan undang-undang
Kelakuan terpuji akan membawa kejayaan
peliharalah ia sebagai nyawa

Hormatilah kebenaran supaya menjadi rakyat terbaik di dunia ini.
Karya Puthumaipittam mengenai Dr Mahathir pula terakam dalam sajak bertajuk Negarawan Mahathir seperti katanya:

Bulan purnama tercermin dimukanya
senyum umpama bunga mekar
persahabatannya terpancar dari matanya
sifatnya indah seperti taman buah-buahan
ilmu dan kasih umpama cahaya yang menghapuskan kegelapan
sifat agungnya menyangi pelbagai kaum
umpama baja bagi tanah
sumbangan menteri kepada negara.

(END)